

03/01/2003

Perjanjian sebelum merdeka akan dikaji

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua dokumen perjanjian yang ditandatangani kerajaan dengan pihak lain sama ada swasta, British dan Singapura sejak sebelum merdeka, akan dikumpul dan dikaji kerana sesetengahnya didapati merugikan kerajaan serta menyetepikan kepentingan negara.

Bagi tujuan itu, sebuah unit khas ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dianggotai kumpulan pakar undang-undang untuk mengumpul segala dokumen itu, termasuk perjanjian yang ditandatangani kerajaan dengan pihak lain pada masa akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata kertas Kabinet mengenai perkara itu akan dikemukakan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jemaah menteri akhir bulan ini.

Beliau berkata, Perdana Menteri bersetuju dengan tindakan itu, malah cadangan berkenaan sudah dimaklumkan kepada Kabinet kira-kira sebulan lalu.

"Perdana Menteri bersetuju supaya kita mempunyai satu depository (pusat simpanan) bagi mengumpul dan menyimpan semua dokumen perjanjian secara tersusun, tertib dan selamat. Kini ada ribuan dokumen perjanjian itu.

"Buat masa ini, perjanjian membabitkan kerajaan itu disimpan agensi masing-masing seperti di Wisma Putra, Jabatan Peguam Negara dan pelbagai Kementerian serta jabatan. Simpanan tidak berpusat ini agak rumit," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata, dengan mengumpul segala dokumen perjanjian itu dalam satu pusat simpanan memudahkan pengawasan dan penelitian pihak kerajaan.

Ditanya sama ada dokumen perjanjian itu turut membabitkan isu air yang dibekalkan Malaysia ke Singapura, Rais berkata ia membabitkan semua perjanjian termasuk yang ditandatangani pada 1927.

Sebelum ini, Dr Mahathir pernah menyatakan bahawa harga air dijual ke Singapura iaitu tiga sen bagi setiap 1,000 galen adalah harga yang ditetapkan pada 1927 dan sudah tidak masuk akal untuk berada pada tahap sama sekarang.

Rais mengakui sesetengah rundingan sewaktu perjanjian termeterai dulu termasuk ketika zaman British mengeneipi atau mengabaikan kepentingan negara.

"Kebanyakan perjanjian lama itu kita terpaksa kaji semula. Kita bercadang untuk mengumpul pakar perundangan bagi membantu proses ini. Perjanjian membabitkan pinjaman dari luar juga kita akan kaji," katanya.

Katanya, penubuhan unit khas itu akan dilakukan secepat mungkin sebaik saja mendapat kelulusan Kabinet.

Ditanya mengenai dakwaan bahawa kebanyakan perjanjian yang dimeterai terutama dengan pihak swasta tidak memihak kepada kerajaan kerana kerap kali kerajaan akhirnya terpaksa membayar pampasan, beliau berkata:

"Perkara ini tidak timbul tetapi banyak dokumen perjanjian itu terpaksa kita teliti dengan lebih lanjut."

Rais berkata, Jabatan Peguam Negara juga akan terbabit memberi kerjasama kepada unit khas itu nanti.